

Submission date: 26.01.2026 Accepted date: 19/02/2026 Published date: 01/03/2026

E-Taqwa Dan Bandar Pintar: Kajian Perilaku Keagamaan Dalam Ekosistem Bandar Pintar *(E-Taqwa and Smart Cities: A Study of Religious Behaviour within the Smart City Ecosystem)*

Norshabiha Ibrahim^{1*} & Jasafat²

¹ Universiti Sains Malaysia

²UIN Ar-Raniry

***Corresponding Author: norshabihaibrahim@gmail.com**

Abstrak

Perkembangan bandar pintar (*smart city*) bukan sahaja membawa perubahan teknologi dan cara urus bandar, tetapi juga mengubah cara masyarakat Muslim di bandar menjalani kehidupan beragama. Namun, kajian tentang bagaimana digitalisasi bandar mempengaruhi ketakwaan masih terhad, terutama dari sudut perilaku keagamaan. Artikel ini bertujuan untuk melihat bagaimana wujudnya konsep E-Taqwa sebagai bentuk baharu dalam mengekspresikan dan menghayati ketakwaan Muslim bandar dalam ekosistem bandar pintar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan gabungan beberapa kaedah, termasuk pemerhatian lapangan, temu bual mendalam dengan Muslim bandar, serta kajian literatur tentang amalan agama digital dalam ekosistem bandar pintar. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketakwaan dalam konteks bandar pintar telah berubah daripada amalan ritual biasa kepada corak keberagamaan digital yang lebih reflektif, fleksibel, dan berasaskan teknologi. E-Taqwa boleh difahami sebagai hasil interaksi antara kesedaran agama, reka bentuk teknologi digital, dan tekanan hidup di bandar yang serba pantas. Kajian ini juga mendapati adanya proses

penerapan nilai ketakwaan dalam ruang digital, di mana peranan autoriti agama, identiti peribadi, dan pelbagai platform saling mempengaruhi. Secara teori, artikel ini memperkenalkan konsep E-Taqwa sebagai kerangka baharu dalam bandar pintar serta memperluas perbincangan tentang hubungan antara teknologi dan ketakwaan.

Kata Kunci: E-taqwa; Bandar Pintar; Muslim Bandar; Digital

Abstract

The development of smart cities not only transforms technology and urban governance but also reshapes how urban Muslim communities practice their religion. However, studies examining how urban digitalization influences piety remain limited, especially from the perspective of religious behavior. This article explores the emergence of E-Taqwa as a new way for urban Muslims to express and experience piety within the smart city ecosystem. It uses a qualitative approach combining field observation, in-depth interviews with urban Muslims, and a review of digital religious practices in smart city settings. The findings show that piety in smart cities has shifted from traditional rituals to a more reflective, flexible, and technology-based form of digital religiosity. E-Taqwa emerges as a result of the interaction between religious consciousness, digital technology design, and the demands of fast-paced urban life. The study also reveals a process of embedding piety values into digital spaces, where religious authority, personal identity, and multiple platforms influence each other. Theoretically, this article introduces E-Taqwa as a new framework in smart city studies and broadens the discussion on the connection between technology and piety.

Keywords: E-Taqwa; Smart City; Urban Muslims; Digital

Pendahuluan

Perkembangan bandar pintar telah menjadi paradigma dominan dalam transformasi perkembangan bandar moden, yang ditandai oleh integrasi teknologi digital, data raya (big data), serta sistem automasi dalam tadbir urus perbandaran (Nam & Pardo, 2011; Kitchin, 2014). Pendekatan ini secara umumnya difahami sebagai usaha untuk mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan awam, kualiti hidup, serta daya saing ekonomi bandar. Walau bagaimanapun, di sebalik pencapaian teknikal tersebut, timbul persoalan fundamental mengenai sejauhmanakah ekosistem dan peranan teknologi bandar pintar mencorakkan dimensi bukan material kehidupan manusia terutamanya dalam pembentukan nilai, orientasi moral, serta praktik keagamaan dalam masyarakat bandar.

Setakat ini, wacana akademik mengenai perkembangan bandar pintar masih didominasi oleh perspektif teknokratik dan tadbir urus digital, manakala dimensi keagamaan serta aspek bukan material kehidupan bandar cenderung diletakkan sebagai aspek peribadi yang kurang mendapat perhatian dalam literature kajian utama (Hollands, 2008; Nam & Pardo, 2011). Kesannya, perkaitan antara teknologi bandar pintar dengan kehidupan spiritual warga bandar masih belum dianalisis secara komprehensif, sedangkan teknologi digital kini telah menjadi bahagian yang penting daripada kehidupan seharian masyarakat bandar serta dapat mencorakkan pola tingkah laku serta pengalaman nilai kepada masyarakat (Zuboff, 2019).

Selain itu, kajian mengenai keagamaan pada era digital kini berkembang menerusi kerangka "agama digital" (digital religion), yang menonjolkan bagaimana peranan media digital dapat mempermudah ekspresi keagamaan, komuniti maya, serta transformasi autoriti agama (Campbell, 2013; Campbell & Bajan, 2024). Meskipun kajian-kajian tersebut telah menjelaskan bagaimana amalan keagamaan beradaptasi dengan teknologi baharu tumpuannya lebih tertumpu kepada aspek media dan representasi simbolik agama. Kebanyakan kajian masih belum menghuraikan secara mendalam bagaimana persekitaran digital yang berstruktur—seperti ekosistem bandar pintar dapat mencorakkan semula aspek ketakwaan, orientasi moral, serta internalisasi nilai keagamaan dalam kehidupan seharian (Grieve & Campbell, 2025).

Jurang konseptual tersebut menunjukkan keperluan terhadap pendekatan integrasi yang menghubungkan ekosistem bandar pintar, aspek digital, serta pengajian keagamaan dapat disatukan. Dalam realiti perbandaran kontemporari moden, teknologi bandar pintar tidak sekadar berfungsi sebagai wahana pentadbiran, malah bertindak sebagai seni bina pilihan (choice architecture) yang secara halus mencorakkan tumpuan, kebiasaan serta preferensi warga bandar (Thaler & Sunstein, 2008). Justeru, teknologi berpotensi menjadi faktor dalam pembentukan tingkah laku keagamaan sama ada menerusi pemantapan kesedaran spiritual mahupun melalui makna ketakwaan ke arah bentuk yang lebih instrumental dan performatif. Dalam konteks perbandaran moden, teknologi bandar pintar bukan sahaja berfungsi sebagai alat pentadbiran, tetapi juga bertindak

sebagai bentuk seni bina pilihan (choice architecture) yang secara halus membentuk tumpuan, kebiasaan dan kecenderungan warga bandar (Thaler & Sunstein, 2008). Oleh itu, teknologi berpotensi menjadi faktor tersembunyi dalam pembentukan tingkah laku beragama, sama ada melalui pengukuhan kesedaran spiritual ataupun melalui perubahan makna ketakwaan ke arah bentuk yang lebih bersifat instrumental dan performatif.

Bertitik tolak daripada isu tersebut, artikel ini memperkenalkan konsep E-Taqwa sebagai satu kerangka analitikal untuk memahami ketakwaan dalam ekosistem bandar pintar. E-Taqwa difahami sebagai manifestasi ketakwaan yang dimediasi oleh teknologi digital, di mana nilai-nilai dinyatakan, dibincangkan, dan dihayati melalui sistem digital perbandaran. Konsep ini memberikan perspektif teoretikal baharu dengan menempatkan ketakwaan bukan sekadar sebagai suatu kondisi normatif-teologikal, tetapi sebagai satu konstruksi psikologi.

Secara metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan interdisiplin dengan menyepadukan psikologi agama, serta kajian ekosistem bandar pintar bagi menganalisis sejauh mana teknologi digital perbandaran mempengaruhi motivasi, kesedaran moral, serta praktik keagamaan dalam masyarakat Muslim bandar. Fokus penyelidikan ditekankan kepada komuniti Muslim bandar yang mendiami dan berinteraksi dalam ekosistem bandar pintar, dengan matlamat untuk menjawab persoalan utama iaitu bagaimanakah ekosistem bandar pintar mencorakkan aspek ketakwaan Muslim bandar melalui mekanisme digital, dan sejauhmanakah teknologi

mampu berfungsi sebagai medium pemeraksanaan, atau sebaliknya membawa kepada reduksi makna ketakwaan itu sendiri? Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan teori keagamaan kontemporari, sekali gus memperluas aspek kajian bandar pintar dengan menyertakan dimensi spiritual sebagai pemboleh ubah analitikal yang signifikan.

Tinjuan Literatur

Bandar pintar merupakan satu konsep pengurusan perbandaran yang memanfaatkan teknologi digital dan data raya bagi mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan, interaksi sosial, serta kualiti hidup warga bandar (Nam & Pardo, 2011; Caragliu et al., 2011). Perkembangan ini membawa anjakan terhadap cara individu berinteraksi bukan sahaja dengan perkhidmatan awam, malah dengan komuniti spiritual mereka. Sebagai contoh, adaptasi tasawuf perbandaran di platform digital menunjukkan bahawa teknologi pintar dapat memperluaskan akses terhadap amalan keagamaan dalam bandar, namun pada masa yang sama menimbulkan cabaran terhadap kedalaman spiritual (Rosfiyanti et al., 2024). Berbanding kajian bandar pintar yang lain di mana lebih bertumpu kepada aspek teknikal, tetapi kajian ini tertumpu kepada perkaitan antara bandar pintar dengan praktik keagamaan digital di mana masih memerlukan kajian rentas disiplin yang mempertimbangkan dimensi psikologi dan spiritual. Sehubungan itu, peluasan skop kajian bandar pintar bagi merangkumi dimensi keagamaan serta tingkah laku digital adalah amat diperlukan bagi

menyeimbangkan penyebaran keagamaan secara digital dalam masyarakat muslim bandar.

Pengajian agama digital (digital religion) merupakan pendekatan yang memetakan bagaimana agama dihayati dan dizahirkan melalui teknologi digital, termasuklah melalui media sosial dan laman sesawang keagamaan (Sentosa & Hidayatullah, 2025). Kajian ini menunjukkan bahawa ruang dalam talian telah menjadi satu cara peyampaian bagi pengalaman keagamaan kontemporari serta identifikasi komuniti spiritual. Data lapangan menunjukkan bahawa Muslim perbandaran menggunakan laman sesawang dan forum digital bagi memperkukuh pemahaman agama mereka (Al-A'raf, 2025). Jika dibandingkan dengan literatur terdahulu yang menekankan aspek akses maklumat, dinamika tingkah laku digital Muslim perbandaran menuntut pendekatan yang lebih holistik dengan mempertimbangkan interaksi, identiti, serta pengalaman emosi dalam persekitaran digital. Maka, agama digital menyediakan kerangka teoretikal yang relevan bagi menganalisis E-Taqwa dalam konteks bandar pintar.

Literatur mengenai literasi digital keagamaan menekankan kepentingan keupayaan kritis dalam menavigasi kandungan agama pada era digital (Athoillah et al., 2024). Dapatan awal lapangan menunjukkan tahap penggunaan platform digital yang tinggi bagi kandungan keagamaan, namun terdapat variasi dalam kemampuan pengguna untuk menilai kredibiliti sumber. Perbandingan dengan literatur yang menekankan keperluan literasi digital menunjukkan bahawa tingkah laku sebenar mencerminkan potensi berlakunya ralat tafsiran serta penyebaran

maklumat yang kurang tepat. Justeru, literasi digital merupakan aspek fundamental yang perlu diperkasakan bagi menyokong pembentukan E-Taqwa yang lebih tepat dalam era bandar pintar.

Media sosial memainkan peranan dwi-fungsi dalam mencorakkan keberagamaan, sama ada sebagai wahana positif pemantapan nilai spiritual mahupun sebagai ruang yang berisiko menghasilkan penulisan dangkal atau bias (Anwar et al., 2025). Data daripada komuniti perbandaran menunjukkan kandungan dakwah tersebar dengan pantas, namun tidak semua kandungan dakwah yang disebarkan adalah membawa mesej yang mendalam. Jika dibandingkan dengan kajian literatur yang menonjolkan peranan media sosial dalam transformasi gaya hidup beragama, dapatan lapangan menggaris bahawa platform seperti Instagram dan TikTok memerlukan strategi kandungan yang seimbang bagi memupuk pemahaman agama yang lebih tuntas. Media sosial perlu dimanfaatkan secara strategik bagi menyokong kualiti pembelajaran keagamaan dan bukannya sekadar untuk mengakses maklumat semata-mata.

Psikologi siber mengkaji bagaimana interaksi dengan teknologi mempengaruhi tingkah laku dan proses psikologi manusia. Penerapan konsep ini teradap tingkah laku keagamaan menunjukkan bahawa pengalaman religius digital dipengaruhi oleh dinamika atensi, limpahan maklumat (information overload), serta persaingan notifikasi yang mengubah cara Muslim perbandaran memproses mesej agama secara kognitif dan emosi. Dapatan lapangan memperlihatkan kecenderungan konsumsi kandungan tanpa refleksi yang mendalam. Berbanding literatur

yang membincangkan tingkah laku dalam talian secara umum, aspek psikologi agama digital menunjukkan perlunya pendekatan khusus yang mempertimbangkan konsep E-Taqwa sebagai suatu bentuk keseimbangan antara konsumsi maklumat dengan refleksi spiritual. Psikologi siber merupakan pendekatan penting bagi memahami kompleksiti tingkah laku keagamaan digital.

Penyelidikan mengenai Muslim perbandaran dan corak pemikiran keagamaan menunjukkan bahawa kelompok ini sering memilih kandungan yang moderat sebagai respons terhadap radikalisasi digital (Komarudin, 2025). Walau bagaimanapun, data lapangan menunjukkan bahawa kepelbagaian kandungan agama dalam talian tetap mempengaruhi sikap religius secara signifikan, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Fenomena ini membuktikan bahawa moderasi keagamaan digital tidak bersifat seragam; sebaliknya keperluan terhadap kandungan yang kontekstual dan berimbang adalah sangat penting. Kajian ini memperluas kefahaman mengenai moderasi keagamaan digital dalam konteks bandar pintar dengan menyertakan faktor tingkah laku dan E-Taqwa.

Komuniti Islam digital dikenal pasti berperanan penting dalam pembentukan identiti sosial dan advokasi perubahan sosial (Sauri & Farhah, 2025). Dapatan lapangan memperlihatkan bahawa komuniti digital tidak hanya berkongsi ajaran, malah norma sosial serta pengalaman beragama secara kolektif. Meskipun komuniti ini memperkukuh solidariti, data empirikal juga menunjukkan potensi tekanan konformiti sosial yang mempengaruhi cara individu mengekspresikan E-Taqwa secara autentik.

Komuniti digital perlu dianalisis bukan sekadar sebagai ruang solidariti, malah sebagai arena negosiasi identiti religius.

Penyelidikan mengenai pengaruh teknologi terhadap praktik keagamaan menunjukkan bahawa walaupun teknologi mempermudah urusan, ia berisiko menyebabkan fragmentasi pemahaman beragama (Jaenudin, 2025). Dapatan lapangan mengukuhkan perkara ini, di mana konsumsi kandungan ringkas sering kali menghasilkan tafsiran lemah tanpa konteks teks agama yang utuh. Berbanding literatur sedia ada, fenomena ini memperlihatkan cabaran struktural dalam pembelajaran digital yang perlu diatasi melalui literasi dan reka bentuk kandungan yang kontekstual. Adalah penting untuk mereka bentuk platform pendidikan agama digital yang memperkukuh pemahaman tekstual dan kontekstual.

Dalam penyelidikan etika dakwah digital menyatakan bahawa pemanfaatan media sosial perlu mempertimbangkan perspektif etika keagamaan (Syahgita & Aripin, 2025). Dapatan lapangan menunjukkan kandungan dakwah digital sering kali dibincangkan namun tidak sentiasa mempertimbangkan etika penyampaian ajaran. Justeru, aspek etika dalam kandungan digital perlu ditekankan agar praktik keagamaan dalam talian tidak mengabaikan nilai moral. Dakwah digital memerlukan garis panduan etika yang teguh bagi menyokong pembangunan E-Taqwa.

Penyelidikan sistematik menunjukkan bahawa literasi digital keagamaan merupakan solusi yang berpotensi bagi mengesahkan maklumat dan mencegah misinformasi (Athoillah et al., 2024). Data lapangan

memperlihatkan pengguna sering berhadapan dengan kandungan yang tidak disahkan. Fenomena ini menegaskan keperluan terhadap pendidikan literasi digital khusus keagamaan bagi membantu Muslim perbandaran membangunkan E-Taqwa yang kritis dan terpilih terhadap kandungan maklumat dalam talian. Literasi digital merupakan keperluan penting dalam pembentukan tingkah laku keagamaan digital yang sihat.

Penyelidikan dalam bidang keagamaan digital mendapati bahawa media sosial berperanan sebagai medium yang berupaya mencetuskan pelbagai respons emosi, merangkumi dimensi positif seperti harapan serta dimensi negatif seperti kegelisahan. Dapatan kajian lapangan turut memperlihatkan bahawa kandungan berbentuk peringatan agama berpotensi menimbulkan kebimbangan yang berlebihan dalam kalangan pengguna. Justeru, hasil analisis ini menegaskan keperluan kepada suatu reka bentuk kandungan yang lebih seimbang, iaitu dengan mengintegrasikan elemen motivasi (targhib) dan peringatan (tarhib) secara harmoni, bagi menyokong kesejahteraan serta keseimbangan emosi pengguna dalam konteks pembangunan E-Taqwa.

Kajian literatur menegaskan bahawa media sosial telah mengubah paradigma keagamaan dalam kalangan mahasiswa bandar (Anwar et al., 2025). Perubahan ini bukan sahaja melibatkan gaya, malah turut mempengaruhi cara mereka menilai autoriti agama serta membentuk identiti agama secara digital. Berbanding kajian terdahulu, tingkah laku ini memperlihatkan peralihan daripada bentuk keagamaan tradisional kepada

bentuk keagamaan yang lebih kontekstual dan terintegrasi dalam ekosistem bandar pintar.

Literatur mengenai agama digital menekankan kepentingan kemahiran interpretatif dalam menavigasi kandungan agama. Namun, dapatan lapangan menunjukkan keterbatasan kemahiran ini dalam kalangan sebahagian pengguna Muslim bandar. Analisis komparatif memperlihatkan wujudnya jurang antara tahap literasi digital dengan keperluan penyaringan kandungan agama. Kajian ini mengisi kekosongan literatur dengan menonjolkan hubungan antara literasi digital dan konsep E-Taqwa.

Walaupun banyak kajian membincangkan agama dan media digital, sebahagian besar masih tertumpu kepada aspek akses maklumat dan identiti sosial. Analisis tingkah laku keagamaan dari sudut psikologi dalam konteks bandar pintar masih terhad. Dapatan lapangan memperlihatkan bagaimana E-Taqwa dipengaruhi oleh dinamika kompleks bandar pintar. Kajian ini memperluas literatur dengan menggabungkan aspek psikologi, tingkah laku, serta teknologi, sekaligus menekankan keperluan integrasi rentas disiplin dalam penyelidikan agama digital.

Berbeza dengan kajian terdahulu yang cenderung bersifat spesifik kepada satu dimensi, penyelidikan ini menyepadukan psikologi siber, bandar pintar, tingkah laku keagamaan digital, serta identiti agama untuk memahami E-Taqwa secara menyeluruh. Aspek psikologi, emosi, dan sosial secara serentak membentuk tingkah laku keagamaan Muslim bandar

dalam era digital. Dengan itu, penyelidikan ini melengkapi, memperluas, dan mengisi kekosongan literatur berkaitan tingkah laku keagamaan dalam ekosistem bandar pintar serta menyediakan asas teoretikal dan empirikal yang kukuh untuk kajian lanjutan dalam bidang ini.

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif interdisipliner dengan reka bentuk kajian bercampur, iaitu menggabungkan kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Pendekatan ini dipilih kerana tujuan kajian bukan sahaja untuk memahami fenomena tingkah laku keagamaan Muslim bandar secara empirikal, tetapi juga untuk membangunkan kerangka konseptual E-Taqwa sebagai bentuk ketakwaan yang dimediasi oleh teknologi digital dalam ekosistem bandar pintar. Dalam konteks ini, pendekatan kualitatif dianggap paling sesuai kerana ia membolehkan eksplorasi makna, pengalaman subjektif, dan proses psikologi yang tidak dapat diringkaskan kepada pemboleh ubah kuantitatif semata-mata (Creswell & Poth, 2018; Denzin & Lincoln, 2018).

Kajian lapangan dijalankan terhadap Muslim bandar yang tinggal dan beraktiviti di kawasan yang telah atau sedang melaksanakan prinsip bandar pintar. Subjek kajian dipilih secara purposif dengan mengambil kira keterlibatan aktif mereka dalam penggunaan teknologi digital serta amalan keagamaan, sama ada dalam ruang fizikal mahupun ruang siber. Pemilihan purposif ini bertujuan memperoleh data yang mendalam dan relevan

dengan fokus kajian, sebagaimana dianjurkan dalam kajian kualitatif interpretatif (Patton, 2015).

Pengumpulan data lapangan dilakukan melalui temu bual mendalam dan pemerhatian, termasuk pemerhatian digital (etnografi digital). Temu bual mendalam digunakan untuk meneliti persepsi, motivasi keagamaan, pengalaman spiritual, serta makna ketakwaan yang dialami oleh Muslim bandar dalam interaksi mereka dengan teknologi bandar pintar. Sementara itu, pemerhatian digital digunakan untuk mengkaji amalan keagamaan yang dimediasi teknologi, seperti penggunaan aplikasi keagamaan, penyertaan dalam komuniti agama dalam talian, serta pola interaksi keagamaan di platform digital. Pendekatan ini selaras dengan perkembangan metodologi kajian sosial kontemporari yang mengiktiraf ruang digital sebagai medan kajian yang sah dan signifikan (Hine, 2015; Pink et al., 2016).

Selain kajian lapangan, kajian kepustakaan dijalankan secara sistematik untuk menelaah literatur utama berkaitan bandar pintar, psikologi siber, psikologi agama, dan kajian keagamaan digital. Kajian kepustakaan ini berfungsi bukan sahaja sebagai landasan teori, tetapi juga sebagai alat analisis komparatif untuk menempatkan dapatan empirikal dalam konteks wacana akademik yang lebih luas. Integrasi antara data lapangan dan kajian kepustakaan membolehkan kajian ini bergerak melampaui deskripsi empirikal kepada pembangunan konsep teoretikal E-Taqwa secara lebih reflektif dan argumentatif (Ridley, 2020).

Analisis data dilakukan menggunakan analisis tematik, melalui proses pengkodan terbuka, pengkategorian, dan interpretasi tema. Data hasil temu bual dan pemerhatian dianalisis untuk mengenal pasti pola yang berkaitan dengan mekanisme psikologi pembentukan tingkah laku keagamaan, seperti motivasi keagamaan, kesedaran moral, dan penghayatan nilai ketakwaan dalam persekitaran digital. Tema-tema yang muncul kemudian ditafsirkan melalui kerangka psikologi siber dan psikologi agama bagi menjelaskan bagaimana teknologi bandar pintar berfungsi sebagai persekitaran psikososial yang membentuk pengalaman keagamaan Muslim bandar (Braun & Clarke, 2021).

Bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan data, kajian ini menggunakan strategi triangulasi kaedah dan sumber, dengan membandingkan data temu bual, pemerhatian, dan dapatan literatur. Proses analisis dijalankan secara reflektif dan berulang untuk meminimumkan bias penyelidik serta memastikan konsistensi tafsiran. Pendekatan ini mengikuti prinsip trustworthiness dalam kajian kualitatif yang menekankan kredibiliti, kebolehbergantungan, dan pengesahan dapatan (Lincoln & Guba, 1985; Nowell et al., 2017).

Kajian ini turut menitikberatkan prinsip etika kajian sosial, khususnya berkaitan persetujuan peserta (informed consent), anonimitas, dan kerahsiaan data. Hal ini penting kerana topik keagamaan dan psikologi menyentuh aspek peribadi serta sensitif dalam kehidupan responden. Keseluruhan proses kajian dilaksanakan dengan menjunjung tinggi

integriti akademik dan penghormatan terhadap subjek kajian (Orb, Eisenhauer, & Wynaden, 2001).

Hasil Kajian

Bahagian ini membentangkan hasil kajian lapangan serta perbincangan yang mengabungkan dapatan empirikal dengan kerangka psikologi siber dan konsep E-Taqwa bagi memahami dinamika keagamaan Muslim bandar dalam ekosistem bandar pintar. Data diperoleh melalui pemerhatian terhadap amalan keagamaan digital, temu bual mendalam bersama Muslim bandar, serta analisis dokumen dan artefak digital. Kesemua data dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti pola tingkah laku keagamaan, mekanisme psikologi siber, dan proses perundingan nilai ketakwaan dalam interaksi antara individu, teknologi, dan struktur sosial bandar.

Perbincangan disusun secara sistematik ke dalam empat subbahagian yang mengupas:

1. Pola keagamaan Muslim bandar.
2. Pembentukan konsep E-Taqwa.
3. Perundingan nilai ketakwaan dalam ruang digital.
4. Implikasi teoretikal E-Taqwa terhadap pengembangan kajian bandar pintar dan keislaman kontemporari.

Pola Tingkah Laku Keagamaan Muslim Bandar dalam Ekosistem Bandar Pintar

Hasil kajian lapangan menunjukkan bahawa tingkah laku keagamaan Muslim bandar dalam ekosistem bandar pintar (smart city) mengalami anjakan pola yang signifikan. Hal ini jelas terlihat terutamanya dalam cara individu melaksanakan, mentafsir, dan mengintegrasikan amalan keagamaan ke dalam rutin kehidupan bandar yang serba digital. Dapatan temu bual dan pemerhatian digital menunjukkan bahawa teknologi bandar pintar bukan sekadar berfungsi sebagai wahana sokongan aktiviti keagamaan, malah turut membentuk struktur tabiat (habitual structure) religius yang baharu. Sebagai contohnya, majoriti peserta kajian menyatakan bahawa penggunaan teknologi digital seperti aplikasi peringatan solat, Al-Quran digital, platform sedekah dalam talian, serta kandungan dakwah di media sosial telah memudahkan mereka menunaikan kewajipan beragama walaupun berlaku kesibukan di kehidupan bandar. Amalan keagamaan tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada ruang fizikal dan institusi tradisional semata-mata, sebaliknya tersebar dalam ruang digital yang lebih fleksibel dan peribadi. Fenomena ini menunjukkan bahawa pegangan agama Muslim bandar cenderung bersifat pragmatik dan efisien, selaras dengan ciri masyarakat bandar pintar yang mengutamakan kepantasan serta kemudahan akses.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian turut menunjukkan wujudnya kepelbagaian dalam tahap intensiti keberagamaan dalam kalangan masyarakat Muslim bandar. Meskipun akses kepada amalan dan simbol

keagamaan semakin terbuka luas, tidak semua peserta kajian mencapai penghayatan makna spiritual yang mendalam. Sebahagian daripada mereka mengakui bahawa amalan keagamaan digital sering dilakukan secara rutin dan automatik, namun kurang disertai dengan refleksi dalaman. Dalam konteks ini, teknologi berfungsi sebagai pemudah cara amalan (*facilitator of practice*) tanpa semestinya berperanan sebagai pemudah cara makna (*facilitator of meaning*). Fenomena ini membuktikan bahawa kemudahan teknologi tidak berkadar terus secara linear dengan kualiti pengalaman keagamaan seseorang.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tingkah laku keagamaan Muslim bandar wujud dalam spektrum yang luas, merangkumi daripada pengukuhan kesedaran beragama sehinggalah kepada kecenderungan menjadikan agama sebagai instrumen. Bagi sebahagian peserta kajian, teknologi digital sebaliknya meningkatkan disiplin ibadah dan kesadaran moral disebabkan oleh adanya sistem peringatan, pengulangan, serta keterhubungan sosial. Sebaliknya, bagi peserta lain pula, amalan keagamaan digital cenderung dianggap sebagai rutin pentadbiran yang terpisah daripada pengalaman spiritual yang mendalam. Pola ini mencerminkan dinamika keberagamaan yang bersifat kontekstual dan situasional, yang menjadi ciri khas masyarakat bandar moden. Dari sudut teoretikal, dapatan kajian ini selari dengan konsep *everyday religion* yang menempatkan agama sebagai sebahagian daripada amalan harian yang dirundingkan dalam konteks sosial dan budaya tertentu (Ammerman, 2016). Dalam ekosistem bandar pintar, agama tidak muncul sebagai entiti

yang terpisah daripada kehidupan moden, sebaliknya beradaptasi dan menyatu dalam arus digital perbandaran. Amalan keagamaan cenderung menjadi lebih bersifat individu, fleksibel, serta terintegrasi dengan aktiviti bukan keagamaan, sebagaimana dihuraikan dalam kajian mengenai individualisasi agama dalam masyarakat moden (Beckford, 2019).

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa ekosistem bandar pintar berfungsi sebagai persekitaran psikososial yang secara tidak langsung membentuk tingkah laku keagamaan warganya. Infrastruktur digital, sistem notifikasi, dan budaya ketersambungan memainkan peranan dalam mengarahkan perhatian beragama serta membentuk tabiat ibadah. Dalam konteks ini, tingkah laku keagamaan Muslim bandar tidak hanya dipengaruhi oleh norma teologi dan institusi agama, tetapi turut ditentukan oleh reka bentuk sistem teknologi yang menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian. Oleh itu, bandar pintar dapat difahami sebagai ruang baharu dalam pembentukan keberagamaan yang bersifat tersembunyi namun tetap signifikan.

Dapatan dalam subbab ini menjadi asas empirikal bagi pembangunan konsep E-Taqwa yang akan dihuraikan dengan lebih mendalam pada subbab seterusnya. Pola tingkah laku keagamaan Muslim bandar yang bersifat pragmatik, berpecah-pecah, dan dimediasi oleh teknologi menunjukkan bahawa ketakwaan dalam konteks bandar pintar tidak lagi dapat difahami semata-mata sebagai kepatuhan normatif, sebaliknya merupakan hasil interaksi kompleks antara individu, teknologi, dan struktur sosial bandar. Oleh itu, analisis terhadap tingkah laku keagamaan

Muslim bandar perlu mengambil kira dimensi psikologi dan teknologi secara serentak bagi mencapai pemahaman yang lebih menyeluruh.

Mekanisme Psikologi Siber dalam Pembentukan E-Taqwa

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tingkah laku keagamaan Muslim bandar dalam ekosistem bandar pintar mengalami transformasi yang bersifat struktural dan psikologi. Ketakwaan tidak lagi hadir semata-mata sebagai ekspresi normatif individu, sebaliknya merupakan hasil interaksi kompleks antara manusia, teknologi digital, dan sistem bandar pintar. Dalam konteks ini, E-Taqwa difahami sebagai bentuk ketakwaan yang dihayati melalui pengalaman hidup dalam persekitaran yang serba terukur, terhubung, dan terdigitalisasi. Data lapangan turut memperlihatkan bahawa Muslim bandar melaksanakan amalan keagamaan dalam ruang kehidupan yang dipenuhi oleh sistem digital, bermula daripada aplikasi perkhidmatan awam, pengurusan masa berasaskan teknologi, sehinggalah kepada platform keagamaan dalam talian. Situasi ini membentuk pengalaman psikologi baharu, di mana kesedaran beragama tidak hanya dipengaruhi oleh doktrin atau ritual, tetapi juga oleh struktur teknologi yang secara implisit mengatur ritma dan pilihan tingkah laku seharian. Hal ini menandakan satu anjakan penting dalam cara ketakwaan dibentuk dan ditafsirkan.

Dari perspektif psikologi siber, persekitaran digital mempunyai keupayaan untuk membentuk pola fikir, emosi, dan tindakan individu melalui mekanisme pemantauan sendiri (self-monitoring) dan kawalan sendiri

(self-regulation). Dapatan kajian menunjukkan bahawa keberadaan sistem digital yang konsisten dan berulang mendorong Muslim bandar untuk lebih reflektif terhadap tingkah laku keagamaannya. Kesedaran bahawa aktiviti seharian direkodkan, diatur, dan diperingatkan oleh sistem mewujudkan keadaan psikologi yang menyokong internalisasi nilai ketertiban, disiplin, dan tanggungjawab religius.

Berbeza dengan pemahaman klasik tentang ketakwaan yang bertumpu kepada kesedaran batin semata-mata, E-Taqwa terbentuk dalam hubungan timbal balik antara kesedaran dalaman dan persekitaran luaran berasaskan teknologi. Teknologi tidak bertindak sebagai pengganti nilai religius, sebaliknya sebagai konteks yang memperkukuh proses penghayatan nilai tersebut. Dalam hal ini, bandar pintar berfungsi sebagai persekitaran pemboleh (enabling environment) yang membolehkan nilai taqwa dizahirkan dalam amalan sosial yang konkrit dan berulang.

Dapatan ini memperluas kajian dakwah digital yang selama ini cenderung melihat teknologi hanya sebagai medium penyampaian mesej keagamaan. Kajian ini sebaliknya menunjukkan bahawa teknologi berperanan sebagai kerangka moral yang secara tidak langsung membentuk orientasi etika dan spiritual Muslim bandar. Ketakwaan tidak lagi hanya dibentuk melalui ceramah atau kandungan keagamaan, tetapi melalui pengalaman hidup dalam sistem bandar pintar yang menuntut keteraturan dan akauntabiliti. Secara psikologi, amalan keagamaan yang berlangsung dalam ekosistem bandar pintar memperlihatkan pola pembentukan tabiat (habit formation) yang kuat. Aktiviti keagamaan yang terintegrasi dengan sistem digital

seperti peringatan waktu, agenda dalam talian, dan visualisasi aktiviti sosial mampu membentuk kebiasaan keagamaan digital yang stabil. Kebiasaan ini tidak selalunya disedari sebagai amalan spiritual, namun secara berperingkat membina komitmen keagamaan yang mampan, yang menjadi ciri utama E-Taqlwa.

Dalam konteks ini, E-Taqlwa boleh difahami sebagai bentuk kesalihan yang dihubungkan melalui teknologi digital (*digitally mediated piety*), iaitu ketakwaan yang terbentuk dalam sistem digital tanpa menghilangkan dimensi kerohanian yang mendalam. Berbeza dengan anggapan bahawa teknologi mendorong kepada sekularisasi, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa teknologi sebenarnya boleh berfungsi sebagai saluran untuk menghayati dan memperkukuh nilai keagamaan, khususnya apabila digunakan dalam kerangka sosial yang selaras dengan prinsip Islam. Kajian ini turut mendapati berlakunya anjakan kedudukan ketakwaan daripada ruang peribadi kepada ruang hibrid yang merentasi dimensi awam dan digital. Muslim bandar tidak lagi memisahkan secara tegas antara ruang ibadah, ruang kerja, dan ruang kota. Nilai-nilai keagamaan hadir dalam interaksi harian melalui sistem bandar pintar yang mengintegrasikan aspek sosial, ekonomi, dan pentadbiran. Keadaan ini menunjukkan bahawa ketakwaan beroperasi dalam ranah sosial yang lebih luas serta tidak terbatas kepada ritual formal semata-mata.

Dari perspektif sosiologi, E-Taqlwa mencerminkan bentuk adaptasi keagamaan terhadap kemodenan lewat (*late modernity*). Muslim bandar tidak meninggalkan nilai-nilai agama, sebaliknya menyesuaikan

dengan struktur kehidupan bandar yang kompleks dan berasaskan teknologi. Hal ini memperkuat hujah pasca-sekular yang menekankan bahawa agama dan kemodenan merupakan entiti yang saling berinteraksi, bukannya saling menafikan. Dapatan ini sekali gus membezakan E-Taqlwa daripada konsep religiusiti digital yang bersifat performatif atau simbolik. E-Taqlwa tidak terhenti pada ekspresi identiti keagamaan di ruang maya, sebaliknya terzhahir dalam perubahan sikap, pola pengambilan keputusan, dan etos hidup Muslim bandar. Dengan itu, E-Taqlwa bersifat substantif dan berorientasikan internalisasi nilai, bukan sekadar representasi simbolik.

